

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia  
Tingkat 9-14, Bangunan U.M.B.C.,  
Jalan Suleiman, Kuala Lumpur

30 hb. Januari, 1974.

Tuan,

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1974.**

**Bayaran-bayaran, Elaun-elaun dan Pampasan-pampasan yang boleh disimpan oleh Pegawai-pegawai Kerajaan bagi kerja-kerja luar dengan Badan-badan Berkanun/Perniagaan/ Kuasa-kuasa Tempatan**

Adalah saya diarah menarik perhatian tuan kepada [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 tahun 1973](#) bertarikh 21hb. Mac, 1973 dalam mana diterangkan peraturan-peraturan mengenai bayaran-bayaran yang boleh disimpan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang bertugas dengan Badan-badan Berkanun/Perniagaan/Kuasa-kuasa Tempatan tidak kira samada atas sifat mereka sebagai pegawai awam atau pun orang persendirian.

2. Bagi memenuhi maksud perenggan 7 Pekeliling tersebut Kementerian/Jabatan dan Pentadbiran Negeri yang bertanggungjawab di atas pencalunan pegawai-pegawai yang berkenaan adalah diminta mengadakan rekod yang menunjukkan nama-nama pegawai yang telah dilantik menjadi ahli Badan-badan Berkanun/Perniagaan/Kuasa - kuasa Tempata, tarikh lantikan dan jumlah bayaran yang dibuat oleh Badan-badan tersebut kepada mereka tiap-tiap bulan. Rekod ini hendaklah sentiasa dikemaskinikan.
3. Diharap mendapat perhatian dan kerjasama dari semua pehak.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD  
JALALUDIN)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,  
Malaysia.

Ketua Setiausaha-setiausaha

Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Yang Berhormat,

Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,

Malaysia Barat.